

**SENARAI PROJEK / PROGRAM PEMBAHARUAN DAN PENAMBAHBAIKAN BAGI TAHUN 2012-2013
DI BAWAH KEMENTERIAN KESIHATAN**

	Tajuk	Fokus WPA 21			Rasional / Objektif	Keterangan Ringkas
		Dasar	Struktur Organisasi	Pejaluan Organisasi		
KEMENTERIAN KESIHATAN						
1	Pindaan ke Skim Perkhidmatan Kejururawatan Baru		✓		Untuk perkembangan kerjaya kejururawatan selaras dengan perkembangan profesion bidang kejururawatan.	Skim Perkhidmatan Kejururawatan Baru mula berkuatkuasa pada 29 Mei 2013
2	Karnival Kerjaya Kementerian Kesihatan			✓	Untuk memberigakan maklumat yang relevan kepada orang ramai, terutama penuntut-penuntut mengenai kerjaya di dalam bidang penjagaan kesihatan	Diadakan pada setiap 2 tahun dianjurkan oleh kementerian kesihatan dengan mempamerkan semua bidang kerjaya dalam penjagaan kesihatan, serta menjemput pelbagai institusi pendidikan yang lain termasuk Kementerian Pendidikan, Institut Sains Kesihatan, UBD dan ITB. Karnival telah diadakan pada 7 Feb - 12 Feb 2012
3	Peningkatan Perkembangan Kapasiti			✓	Untuk meningkatkan perkembangan kapasiti tenaga manusia melalui latihan-latihan dalam dan luar negara.	Kementerian Kesihatan sentiasa mengutamakan dan menyokong bagi pegawai dan kakitangan untuk menghadiri / mengikuti kursus latihan dalam dan luar negara, yang bersesuaian dengan keperluan Jabatan / Bahagian masing-masing dalam usaha mempertingkatkan kemahiran bagi meningkatkan kualiti perkhidmatan.
4	Meneliti / Mengumpul Dasar-Dasar Kementerian Kesihatan	✓			Untuk mengemaskinikan dan menyelaraskan dasar-dasar yang sedia ada bagi memenuhi keperluan semasa	i) Penelitan semula / Pengemaskinian Skim Pembayaran Perkhidmatan Perubatan ii) Memperkenalkan Pelan Perlindungan Kesihatan bagi Pegawai dan Kakitangan Perkhidmatan Perubatan Kecemasan dan Ambulans (EMAS) mulai Disember 2013. iii) Skim Perlindungan Kesihatan kepada pekerja-pekerja asing iv) Pengumpulan dasar - dasar kesihatan meliputi pentadbiran dan pengurusan, kesihatan awam, perubatan, perkhidmatan kesihatan asasi, pergigian, renal, makmal, dasar-dasar antarabangsa dan promosi kesihatan.
5	Meningkatkan kualiti statistik / maklumat kesihatan		✓		Untuk menghasilkan data serta maklumat kesihatan yang lebih tepat, reliable dan tepat pada masanya.	i) Penerbitan Laporan Statistik / Maklumat Kesihatan: Vital and Mortality Report / Annual Health Statistics Report / Laporan Profil Negara Brunei Darussalam yang dihadapkan kepada WHO. ii) Penelitan semula prosedur laporan kematian di hospital-hospital melalui inisiatif pengemaskinian Borang Medical Certificate of The Cause of Death dan Borang Post Mortem Examination Certificate yang diwartakan dibawah Births and Deaths Registration Rules 1957 dan Akta Pendaftaran Beranak dan Mati Penggal 79 di bawah Seksyen 25 (1). iii) Penelitan semula dan pembaikan ke atas proses pengesahan penyebab kematian bagi kematian - kematian di luar hospital (Non-Hospital Deaths) dengan memperkenalkan Verbal Autopsy bagi membantu mendapatkan maklumat tambahan untuk mengenalpasti penyebab kematian yang lebih tepat.

6	Meperbaiki proses pengendalian aduan		✓	<p>Untuk memastikan aduan-aduan dikendalikan dengan lebih efisien dan berkualiti</p>	<p>Meneliti semula prosedur - prosedur dalam pengendalian aduan-aduan, dengan mengurangkan proses-proses yang tidak diperlukan</p> <p>Menguukuhkan penggunaan sistem tracking bagi aduan yang diterima atau melalui media sosial</p> <p>Meningkatkan kualiti laporan dengan memuatkan data yang lebih terperinci, termasuk tempoh masa menangani aduan mengikut kategori yang telah dikenalpasti</p>
7	Program Pengiktirafan Anugerah Pusat-Pusat Kesihatan / Klinik - Klinik Kesihatan / Klinik - Klinik Perubatan Pakar / Wad- Wad Hospital		✓	<p>Untuk persediaan ke arah pencapaian pengiktirafan bertaraf antarabangsa, seperti Joint comission Internatioan (JCI), ISO Certification dan sebagainya;</p> <p>Mengenalpasti tahap penyampaian perkhidmatan dan infrastruktur mengikut piawaian yang telah disediakan, dan;</p> <p>memberikan penghargaan kepada pegawai dan kakitangan dalam memberikan perkhidmatan yang cemerlang.</p>	<p>Program ini diadakan setiap 2 tahun dan dianjurkan oleh Kementerian Kesihatan buat pertama kalinya pada tahun 2012.</p> <p>Telah dilaksanakan pada bulan Julai hingga Oktober 2012 di 16 buah pusat kesihatan, 18 buah klinik kesihatan, 56 buah klinik pakar perubatan dan 4 buah perkhidmatan pakar di seluruh negara</p> <p>Penganugerahaan juga telah diberikan pada 17 November 2012</p>
8	Inisiatif Peningkatan Kualiti Perkhidmatan		✓	<p>Berdasarkan objektif Anugerah Cemerlang Perkhidmatan Awam (ACPA) Negara Brunei Darussalam</p>	<p>Dalam Usaha Kementerian Kesihatan meningkatkan kualiti penyampaian perkhidmatannya, Kementerian ini menggalakkan penyertaan dan seterusnya mengenalpasti dan menyelaras mana-mana projek Jabatan / Perkhidmatan yang berpotensi untuk dihadapkan.</p>
9	18th Meeting of the ASEAN Consultative Committee for Standards and Quality (ACCSQ) Traditional Medicines and Health Supplement Product Working Group (TMHSPWG)		✓	<p>Untuk membincangkan dan berkongsi maklumat mengenai perkembangan kerjasama dalam :</p> <p>1) Menghormati / menyelaraskan keperluan teknikal bagi penempatan Ubat Tradisional dan Produk Tambahan Kesihatan di rantai ASEAN dan mengurangkan rintangan perdagangan pengawalan produk tersebut di pasaran ASEAN; dan</p> <p>2) Menghasilakn 'ASEAN Model on regulatory framework' bagi penempatan ubat tradisional dan produk tambahan esihatan di pasaran ASEAN;</p> <p>Ianya juga diadakan untuk membincangkan isu-isu lain yang berbagkit dari mesyuarat ke-17 TMHSPWG.</p>	<p>Menjadi Tuan Rumah kepada 18th Meeting of the ASEAN Consultative Committee for standards and quality (ACCSQ) Traditional Medicines and Health Supplement Product Working Group (TMHSPWG),12-16 November 2012, Bandar Seri Begawan</p>
10	6th Bilateral Meeting Between Brunei Darussalam and Malaysia		✓	<p>Untuk membincangkan dan berkongsi maklumat mengenai perkembangan kerjasama dan isu-isu kesihatan dua hala khususnya 9 sektor kerjasama yang telah dimeterai dalam MOU</p>	<p>Kementerian kesihatan menjadi tuan rumah kepada Bilateral Meeting Between Brunei Darussalam and Malaysia setiap 2 tahun sekali, telah diadakan pada 26 Jun 2012 di Negara Brunei Darussalam</p>

11	Projek Pelan Induk Sistem dan Infrastruktur Kesihatan	✓	<p>Untuk menghasilkan pelan induk komprehensif yang dapat dijadikan peta jalan yang signifikan untuk dijadikan sebagai panduan perancangan dan pelaksanaan pelan-pelan tindakan, strategi sistem dan perkhidmatan penjagaan kesihatan termasuk pembangunan infrastruktur kesihatan seluruh negara</p> <p>Untuk menyumbang kepada pengukuhan sistem penjagaan kesihatan yang lebih berkualiti, efisien, bersistematik, kos efektif dan berdaya tahan yang berasaskan kepada evidence based</p>	<p>Pelan induk sistem dan infrastruktur kesihatan bag Negara Brunei Darussalam telah mula dilaksanakan pada bulan oktober 2012 dengan melantik the Innova Group(USA) sebagai konsultan bagi penyediaan Pelan Induk Tersebut.</p> <p>Berikut adalah keterangan ringkas mengenai usaha-usaha yang telah diungkayahkan bagi penyediaan pelan induk:</p> <ol style="list-style-type: none"> 1) Pengumpulan data bagi memenuhi data request 2) Jerayawara Projek di daerah-daerah seluruh negara. 3) Visioning sessions bagi jawatankuasa Eksekutif, Jawatankuasa Pandu dan Jawatankuasa Teknikan Projek. 4) Sesi-sesi temubual dengan stakeholders bagi fasa sector analysis, sebanyak lebih 200 sesi temubual diselenggarakan dengan melibatkan stakeholders dari dalam dan luar kementerian kesihatan bagi semua komponen sistem kesihatan. 5) Brunei Darussalam Health System Survey yang diselenggarakan bersama Research Triangles Institute (RTI), USA (pihak Konsultan), dan Pusat Kajian Strategik dan Dasar (CSPS) Brunei 6) Facility condition assessment di setiap kemudahan kesihatan klinik-klinik awan dan swasta 7) Bengkel ketua-ketua jabatan kementerian kesihatan bagi membincangkan inisiatif-inisiatif yang dikenalpasti dibawah projek plan induk sistem dan infrastruktur kesihatan (5 komponen sistem kesihatan), Negara Brunei Darussalam. 8) Bengkel ketua-ketua Jabatan Kementerian Kesihatan bagi persediaan infrastruktur memenuhi pelaksanaan inisiatif-inisiatif yang dikenalpasti dibawah projek plan induk sistem dan infrastruktur kesihatan, Negara Brunei Darussalam.
12	Projek BAIK	✓	<p>Mengenalpasti perkakas - perkakas perubatan yang memerlukan penggantian dan penaiktarafan dalam mendokong perkhidmatan yang berkualiti cemerlang</p>	<p>Projek BAIK adalah merangkumi penggantian dan penaiktaraf ke atas perkakas-perkakas perubatan bagi setiap fasiliti perubatan dan kesihatan</p>
13	Peningkatan nisbah kakitangan bagi sebuah komputer (1,5:1)	✓	<p>Selaku warga perkhidmatan awam, penggunaan emel kerajaan adalah dimestikan bagi memastikan info-komunikasi yang selamat dan efisien.</p>	<ol style="list-style-type: none"> 1) Meningkatkan jumlah komputer bagi setiap warga kementerian kesihatan yang layak 2) Jerayawara kepada warga kementerian kesihatan mengenai penggunaan emel kerajaan 3) Peningkatan laman web kementerian kesihatan 4) Picture Archiving Communication System (PACS)

PROJEK Bru-HIMS					
14	Bru-HIMS change agents		✓	<p>1) Doctors and nurses can access to patient's files notes and test results faster</p> <p>2) Improves patient care and minimise duplication of test orders</p> <p>3) This will eliminate misplaced or missing notes are avoided</p> <p>4) Ability to access all files and notes of inpatients transferred from other locations. Previously patient clinical notes (manual) are only photocopied in parts only</p> <p>5) Ability to access all files and notes of patients and stocks inventory, within facility and across country</p> <p>6) Solve the previously encountered problems with illegible handwriting, hence reduce request errors. Therefore orders are better documented and are more concise.</p> <p>7) Improve productivity and efficiency. Example; medication ordering and administration are better managed, ease of availability of patients clinical details and other investigation results online, facilitates monitoring/tracking of stock movement.</p> <p>8) Admission process is way better, no need to write patients detail repeatedly (less duplicate writing); less paperwork such as filling forms</p> <p>9) Ease of availability of patient's clinical details and other investigations result online. Improve diagnosis and efficiency of service.</p> <p>10) Patient's don't have to wait for the paper report. Finalises radiology report is made immediately available to the referring doctors online.</p> <p>11) Facilitates monitoring / tracking of stock movement or ordering status until the stock is received</p> <p>12) Can reduce problem of expired items unused hence, wastage as the system helps us issue using FEFO concept.</p>	<p>1) Lantikan Bru-HIMS change agents yang berperanan untuk membantu dalam aktiviti-aktiviti pengurusan keatas perubahan termasuk:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Memahami matlamat perubahan • Memaklumkan pegawai dan kakitangan mengenai perubahan • Menyeru pegawai dan kakitangan untuk menyokong perubahan • Memberikan maklumat kepada orang awam mengenai perubahan proses dan matlamatnya <p>2) Jerayawara ke hospital-hospital dan pusat kesihatan diadakan pada 1 februari dan 2 mei 2012</p> <p>3) Kajiselidik mengenai kesediaan Bru-HIMS</p>
15	Simposium Bru-HIMS		✓	<p>Sebagai persediaan bagi pengguna-pengguna utama Bru-HIMS untuk meningkatkan kemahiran teknikal dalam mendokong perkhidmatan yang cemerlang</p>	<p>Bru-HIMS key users telah dikenalpasti dan diberi latihan pada 5 Jun 2012 oleh pakar perunding daripada Malaysia dan Australia</p> <p>Latihan ini bukan saja berpusat di Kementerian Kesihatan malahan latihan on-site juga diadakan di hospital-hospital .</p>
16	Publisiti kepada orang ramai		✓	<p>Untuk memberigakan kepada orang ramai mengenai penggunaan Bru-HIMS.</p>	<p>Aktiviti-aktiviti pemberigakan kepada orang ramai yang telah dilaksanakan adalah termasuk:</p> <ol style="list-style-type: none"> 1) Pameran pada majlis pelancaran RKN 10 diadakan pada April 2012. 2) Taklimat awam sempena Pameran pada majlis Pelancaran RKN 10 pada april 2012 3) 35 minit video Bru-HIMS 4) E-Newsletter dalam laman web - keluaran 1 hingga 5 5) Pameran dalam Majlis Ilmu 6) Keberangkatan DPMM menyaksikan Sistem Bru-HIMS di Hospital PMM 7) Menyediakan emel bagi perhubungan berkaitan Bru-HIMS pada bru-hims@moh.gov.bn
17	Pembaikan ke atas perkhidmatan-perkhidmatan pemeliharaan yang memerlukan kepakaran, melalui out-sourcing		✓	<p>Untuk memperbaiki / mempercepatkan proses pemeliharaan yang memerlukan kepakaran</p>	<p>Out-sourcing bagi perkhidmatan-perkhidmatan pemeliharaan yang memerlukan kepakaran telah wujud semenjak tahun 1990 an, tetapi terhad kepada sebahagian perkhidmatan sahaja. Memandangkan peningkatan permintaan / keperluan pengguna, serta kebaikan yang diperolehi melalui out-sourcing, maka perkara ini dikembangkan bagi perkhidmatan - perkhidmatan lain yang memerlukan kepakaran.</p>

PUSAT PROMOSI KESIHATAN					
18	Mengadakan Program Rintis Cara Hidup Sihat di Tempat Kerja (WHLP) - Program AFAIAH	✓		<ul style="list-style-type: none"> • Program Promosi Kesihatan di Tempat Kerja ini (Program AFAIAH Kementerian Kesihatan) adalah sejajar dengan objektif strategik visi 2035 'Warga yang Mengamalkan dan Membudayakan Cara Hidup Sihat' serta usaha melaksanakan objektif-objektif pelan tindakan kebangsaan BruMAP-NCD 2013-2018. Mewujudkan program promosi kesihatan dan amalan cara hidup sihat di tempat kerja. • Objektif: Untuk memperkasa Kakitangan Kementerian Kesihatan membudayakan amalan cara hidup sihat dalam dan di luar tempat kerja mereka. 	Program disasarkan kepada kakitangan ibu pejabat Kementerian Kesihatan dan bangunan sekitar.
19	Mewujudkan Program Rintis Klinik Cara Hidup Sihat (KCHS) di Sungai Liang	✓		<ul style="list-style-type: none"> • Rasional: Oleh kerana Program Klinik Cara Hidup Sihat (KCHS) yang dikendalikan oleh Pusat Promosi Kesihatan hanya terhad kepada penduduk Daerah Bandar Sero Begawan sahaja, pihak Kementerian Kesihatan melalui Pusat Promosi Kesihatan telah mencadangkan untuk program ini dilarutkan ke daerah-daerah lain. Pada tahun 2012, Klinik cara Hidup Sihat Pusat Promosi Kesihatan telah berkerjasama dengan Pusat Kesihatan Sg Liang bagi menubuhkan program yang sama. Dengan tertubuhnya program ini, ianya membantu meluaskan skop liputan sokongan bagi individu - individu obes yang berada di daerah berkenaan. • Objektif: Untuk menubuhkan Klinik Cara Hidup Sihat di Sg Liang dan membantu klien yang obes mengurangkan dalam 5% - 10% daripada berat mereka dalam tempoh 3 bulan 	<ul style="list-style-type: none"> • Program Klini Cara Hidup Sihat adalah sebuah program yang ditubuhkan bertujuan untuk membantu individu-individu yang mempunyai berat badan berlebihan (obesity) mengurangkan berat badan selama 10 minggu. • Program ini dikendalikan oleh sekumpulan profesional kesihatan yang terdiri pegawai-pegawai perubatan, pegawai permakanan, pegawai psikologi, pegawai sukan, kaunselor agaman dan jururawat. • Kriteria Penyertaan Program: 1) mempunyai BMI 30kg/m2 ke atas 2) Berumur 18 tahun keatas 3) Mempunyai kesihatan yang baik dan mendapat kebenaran doctor untuk melakukan kegunaan fizikan intensif 4) Berkomitmen untuk menghadiri sesi yang telah diaturkan 2 kali seminggu sepanjang program. • Komponen-Komponen Rangkakerja KCHS 1) Pendidikan dan informasi Kesihatan (Taklimat Permakanan, Bahan IEC, Demo masakan) 2) Konsultasi dan kaunseling 3) Kegiatan fizikal senaman 4) Pemeriksaan darah.
20	Menubuhkan active adolescent clinic (AAC) di kalangan remaja yang obes (berumur 13-15 tahun) dengan kerjasama Klinik Obesiti, Hospital RIPAS & Perkhidmatan Kesihatan Sekolah	✓		<ul style="list-style-type: none"> • Untuk menggalakkan pengurangan berat badan sekurang-kurangnya 10% daripada jumlah berat badan dalam masa 1 tahun. • Memberi kesedaran dan pengetahuan kepada klien mengenai permakanan sihat dan kepentingan bergiat aktif pada akhir program 	Sebuah program multidisiplinari (melalui sistem rujukan referral) terdiri daripada doktor , pegawai permakanan, psikologis dan pegawai sukan.
21	Program Tobacco - Free 4 Life	✓		<ul style="list-style-type: none"> • Mengurangkan kadar penggunaan rokok dikalangan orang dewasa dari 17% ke 12% pada tahun 2018 • Mengurangkan kadar pendedahan kepada asap rokok bagi kanak-kanak di bawah 5 tahun • Mengawal dan mencegah penggunaan merokok di kalangan remaja • Meningkatkan kesedaran orang awam tentang tembakau dan bahaya rokok 	program ini diadakan pada bermula dari mac 2013 di bawah pusat promosi kesihatan kementerian kesihatan dan dijalankan oleh seorang pegawai perubatan kanan dan seorang jururawat
22	Melaratkan klinik berhenti merokok	✓		<ul style="list-style-type: none"> • Memperluaskan dan melaratkan perkhidmatan klinik berhenti merokok ke pusat-pusat dan hospital-hospital kerajaan • Meningkatkan peratus klien yang mendaftar ke klinik berhenti merokok • meningkatkan peratus klien yang berjaya berhenti merokok. 	• Bengkel latihan kaunseling berhenti merokok telah diadakan bagi profesional-profesional kesihatan dan kaunselor yang berkaitan bagi menambah bilangan kaunselor berhenti merokok yang boleh memberikan perkhidmatan klinik berhenti merokok di pusat pusat kesihatan dan hospital-hospital kerajaan sepanjang tahun 2013.

23	Quitline	✓	<ul style="list-style-type: none"> • Memberikan perkhidmatan kaunseling dan sokongan berhenti merokok melalui talian • Mendorong perokok untuk berhenti merokok dengan adanya kaedah perkhidmatan menggunakan telefon. • Memudah cara setiap panggilan Quitline kepada Klinik Berhenti Merokok bagi terapi yang lebih intensif. • Mondokong dan membantu bekas perokok dari berlakunya relaps setelah berjaya berhenti merokok. • Mensosialisasikan talian quitline • Melindungi orang - orang yang tidak merokok dari asap rokok melalui pendidikan dan pendokongan secara bertelefon. 	Quitline ditubuhkan untuk membolehkan dan memperkasakan perokok-perokok untuk menjalani hidup tanpa merokok dengan adanya perkhidmatan kaunseling dan pendidikan secara bertelefon
24	Mengemaskinkan garis panduan berhenti merokok	✓	<ul style="list-style-type: none"> • Menerbitkan satu garis panduan berhenti merokok bagi profesional - profesional kesihatan dan diari / buku panduan berhenti merokok bagi perokok - perokok. 	<ul style="list-style-type: none"> • Garispanduan berhenti merokok bagi profesional kesihatan ini diharap digunakan oleh profesional kesihatan bagi membantu perokok-perokok untuk berhenti merokok. Manakala diari/buku panduan berhenti merokok bagi perokok-perokok diharap dapat membantu perokok-perokok berhenti merokok melalui tips yang disebutkan didalam buku tersebut.
25	Mengumpul dan mengkaji semula dasar-dasar yang sedia ada yang berkaitan dengan pemakanan di Negara Brunei Darussalam	✓	<ul style="list-style-type: none"> • Rasional: <ol style="list-style-type: none"> 1) Mendokong wawasan 2035 dan Visi Kementerian Kesihatan ' Bersama Ke Arah Warga Sihat'; 2) Memperkukuhkan dasar-dasar pemakanan sihat di Negara Brunei Darussalam berpandukan kepada 'Brunei Darussalam national Multisectoral Action Plan on Prevention and Control of Noncommunicable Disease 2013-2018 dan 'Health Promotion Blueprint 2011-2015' Objektif: <ol style="list-style-type: none"> 1) Meningkatkan pengetahuan, kefahaman dan kesedaran orang ramai mengenai dasar - dasar pemakanan yang ada di Negara Brunei Darussalam; 2) Mengkaji semula dasar-dasar pemakanan yang sedia ada bagi memantapkan lagi program pemakanan sihat di Negara Brunei Darussalam 	<ul style="list-style-type: none"> • Pengumpulan dasar-dasar pemakanan yang sedia ada di Negara Brunei Darussalam adalah sebagai rujukan dalam menjalankan Program Pemakanan Sihat di Negara ini. • Pengumpulan dan pengkajian semula dasar-dasar pemakanan juga dapat meningkatkan keberkesanan hal ehwal berhubung dengan sekuriti makanan di Negara ini termasuklah pengimportan, pembuatan, pengeluaran dan pembekalan makanan. • Selain daripada itu dengan adanya pengkajian semula dasar-dasar pemakanan dapat membantu meningkatkan ekonomi Negara dalam pengeluaran makanan dan minuman sihat. • Lanya juga dapat membantu Negara dalam mengenalpasti dan meningkatkan piawaian pengimportan makanan dan minuman sihat ke Negara ini.
26	Program Rintis Restoran Sihat	✓	<ul style="list-style-type: none"> Rasional: <ol style="list-style-type: none"> 1) Mendokong Wawasan 2035 dan Visi Kementerian Kesihatan 'Bersama Ke Arah Warga Sihat'; 2) Memperkukuhkan program pemakanan sihat di Negara Brunei Darussalam berpandukan kepada Brunei Darussalam National Multisectoral Action Plan on Prevention and Control of Non Communicable Disease 2013-2018 dan Health Promotion Blueprint 2011-2015 Objektif: <ol style="list-style-type: none"> 1) Meningkatkan pengetahuan, kefahaman dan kesedaran pihak restoran mengenai penyediaan dan pilihan makanan sihat; 2) Memperkasakan pihak restoran dalam mempromosi cara hidup sihat khisimua dalam penyediaan makanan sihat didalam aktiviti seharian; 3) Memudahkan cara dan mempromosi pilihan lebih sihat seperti; <ul style="list-style-type: none"> • Kurang Minyak / Kurang Lemak • Kurang Garam • Kurang Gula • Lebih sayur-sayuran dan buah-buahan 	<ul style="list-style-type: none"> • Program rintis restoran sihat merupakan program rintis yang dijalankan oleh Pusat Promosi Kesihatan, Kementerian Kesihatan untuk meningkatkan pengetahuan mengenai makanan sihat dan meningkatkan akses serta ketersediaan pilihan makanan sihat di Negara brunei Darussalam. Lanya merupakan situasi win-win diantara kedua-dua pihak yang mana ia mengajar orang ramai tentang kepentingan pilihan sihat khususnya pihak restoran melalui penyediaan pilihan meni lebih sihat. Program in disesuaikan mengikut keperluan pihak restoran dalam penyediaan menu lebih sihat dan membantu komuniti dalam akses pilihan makanan sihat. • Bagi pihak restoran yang ingin ikut serta dalam program ini, mereka perlu memenuhi kriteria dan standard yang dibuat oleh kementerian kesihatan. Selain daripada itu, mereka juga akan mendapat peluang melalui sokongan dan manfaat seperti publisiti percuma dan bantuan daripada pegawai pemakanan di Pusat Promosi Kesihatan.

27	Mempertingkatkan Program Gerai Sihat	✓		<p>Rasional:</p> <p>1) Mendokong Wawasan Kementerian Kesihatan 2035 iaitu 'Bersama Ke Arah Warga Sihat'</p> <p>2) Memperkukuhkan Program Permakanan makanan sihat di Negara brunei Darussalam berpandukan kepada Blueprint Promosi Kesihatan 2011-2015.</p> <p>2) Membuktikan ada hubungkait kajian dengan:-</p> <p>a) Makanan yang dijual di restoran dan tempat makan mempunyai kalori dan kandungan lemak yang tinggi (Lin & Frazao, 1997 & 1999_.</p> <p>b) Kuantiti makanan yang dijual adalah lebih besar daripada di rumah (Young & Nestle, 2002).</p> <p>Objektif:</p> <p>1) Meningkatkan pengetahuan, kefahaman dan kesedaran pihak penjaja-penjaja gerai makan dan pasar malam mengenai penyediaan dan pemilihan permakanan sihat;</p> <p>2) Mengubah minda semua penjaja supaya menjadikan cara hidup sihat termasuk pemakanan sihat menjadi amalan semasa membuat urusan permakanan seharian;</p> <p>3) Menyebarluaskan 'Garispandu Pemakanan Kebangsaan' melalui makanan sihat;</p> <p>4) Untuk melancarkan dan mempromosikan papan tanda (signage) pemakanan sihat termasuk maklumat seperti berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Kurang Lemak • Kurang Masin • Kurang Manis • Tambah Sayur 	<ul style="list-style-type: none"> • Program Gerai Makan / Pasar Malam Sihat ini merupakan 'win-win situation' di mana, Program Gerai Makan / Pasar Malam Sihat ini juga secara tidak langsung akan mengajar orang ramai mengenai kepentingan pemakanan sihat. Program ini juga boleh disesuaikan untuk memenuhi keperluan pihak Gerai Makan / Pasar Malam yang kurang mendapat sambutan disamping membanti komuniti untuk mengakses pilihan makanan yang lebih sihat. • Terdapat sebanyak 184 buah gerai makan di Bandar Seri Begawan yang terletak di beberapa buah tempat iaitu Tamu Pasar Malam Gadong, Gerai Tamu Selera, Gerai makan / Gerai Satay Jalan Residency, Kedai Makan Tingkat 1 Bangunan Letak Kereta Bertingkat, Kedai Makan Tingkat 7 Bangunan Pusat Komersial dan Perdagangan Bumiputera, Gerai Makan Tamu Sungai Kianggeh dan Kantin-Kantin di bawah kawalan Jabatan Bandaran. • Sebagai susulan kepada bengkel tersebut Kementerian ini dengan kerjasama pihak Jabatan Bandaran Bandar Seri Begawan mencadangkan ntu menganjurkan kempen pemakanan sihat yang dikhususkan kepada para penjaja makanan di Bandar Seri Begawan. Projek ini merupakan projek julung-julung kali diadakan oleh Pusat Promosi Kesihatan untuk meningkatkan pengetahuan mengenai makanan sihat dan memberikan orang ramai pilihan menu sihat khususnya pihak penjaja Gerai Malam, Pasar Gadong. Disamping itu juga, memberikan kemahiran kepada para peserta untuk menyediakan mkaanan sihat agar dapat memberikan pilihan sihat kepada pelanggan mereka. • Didalam projek ini nanri, pihak penjaja Gerai Malam akan menyediakan makan denga kuran gula, kurang garam dan kuram lemak / minyak dan dalam masa yang sama makanan / minuman tersebut masih tetap sedap berselera. Selain daripada itu, cara memasak juga boleh diolah-olah untuk menjadikan makanan / minuman tersebut lebih sihat. • Bagi pemilik Gerai Makan / Pasar Malam yang memohon untuk mengikuti program ini nanti, mereka perlu bersetuju untuk memenuhi standard tertentu yang ditetapkan oleh Kementerian Kesihatan. Selain daripada itu juga, peserta program ini juga berpeluang untuk mendapat faedah seperti publisiti percuma dan bantuan dalam penyediaan makanan dan minuman yang lebih sihat.
28	Mengadakan bengkel perskripsi senaman	✓		<ul style="list-style-type: none"> • Meningkatkan tahap kegiatan fizikal diantara peserta program rintis ini sebanyak 20% pada penghujung 12 minggu program. • Penurunan body mass index tahap lipid serta HbA1C bagi peserta yang menyertai 	<ul style="list-style-type: none"> • Sebelum program rintis 'Preskripsi Senaman' diadakan, 2 bengkel yang berasingan mengenai 'Preskripsi Senaman' dan bengkel Motivational Interviewing diadakan Program rintis ini diharapkan akan dapat membantu pesakit luar Pusat Kesihatan untuk menjadi lebih aktif.
29	Penilaian mengenai keberkesanan kempen pemasaran sosial	✓		<p>Untuk menilai keberkesanan kempen media besar-besaran pada pengurangan pengambilan garam di kalangan dewasa di Brunei</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Untuk menggalakkan kesedaran apa yang dimaksudkan tahap pengambilan garam yang sihat. • Menyediakan strategi untuk program-program pendidikan kesihatan awam untuk mengurangkan pengambilan garam.
30	Kajiselidik Kebangsaan Penggunaan Tembakau di kalangan Belia (GYTS)	✓		<ul style="list-style-type: none"> • Mendapatkan kadar penggunaan tembakau di kalangan belia berumur 13-15 tahun NBD • Mengemaskini program atau strategi kawalan penggunaan tembakau di kalangan belia 	<p>Kajiselidik ini adalah salah sebuah kajiselidik penggunaan tembakau yang telah digunakan oleh pihak WHO/CDC sebagai kajiselidik global dikalangan belia berumur 13-15 tahun.</p>

31	Menghasilkan Pelan Tindakan Kebangsaan Penyakit Tidak Berjangkit, NCD BruMAP, dengan Jawatankuasa Kebangsaan Perancangan Strategik Pencegahan dan Pengawalan Penyakit-Penyakit Tidak Berjangkit (JKSPPTB)	✓		Mewujudkan sebuah pelan tindakan bagi pencegahan dan kawalan penyakit-penyakit tidak berjangkit dengan sasaran serta indikator yang selaras dengan sasaran dan indikator WHO	BruMAP menggariskan strategi dan tindakan utama bagi penggunaan tembakau, pemakanan yang sihat dan seimbang, aktiviti fizikal, mengenalpasti orang yang berisiko bagi menambahbaik kualiti penjagaan dan hasil pengurusan penyakit tidak berjangkit.
32	Bengkel Pemasaran Sosial (Social Marketing)		✓	Meningkatkan keupayaan profesional kesihatan tempatan untuk menjalankan kempen-kempen mempromosi kesihatan secara berkesan	Bengkel ini akan menyediakan landasan pengetahuan dan kemahiran untuk membentuk komponen-komponen penilaian keperluan yang berdasarkan pemasaran sosial, membina konsep yang berangka kerja, penganalisaan, pemasaran, intervention, pelaksanaan dan penilaian bagi program-program cara hidup sihat di Negara Brunei Darussalam.
33	Penghasilan Nafizatussiah (advertorial kesihatan dalam Pelita Brunei)	✓		Untuk memberigakan maklumat-maklumat kesihatan yang tertentu kepada warga perkhidmatan awam, disamping mempromosikan perkhidmatan-perkhidmatan yang disediakan oleh Kementerian Kesihatan.	Nafizatussiah ialah satu ruang advertorial khas di dalam Pelita Brunei yang didedikasi bagi penyampaian maklumat-maklumat atau perkhidmatan kesihatan semasa, yang mana pengeluarannya bermula pada tahun 2013.
34	Pengemaskinian struktur organisasi Pusat Promosi Kesihatan (HPC)		✓	Streamlining, memperkenalkan program-program dan aktiviti-aktiviti di HPC agar lebih berkesan.	Struktur Organisasi yang kemas adalah satu langkah bagi memastikan pelaksanaan program dan aktiviti-aktiviti secara strategik dan selaras dengan misi serta objektif-objektif yang dikenal pasti di HPC.
35	Penggunaan Microsoft Outlook dalam perancangan dan pemantauan aktiviti-aktiviti harian HPC		✓	Mengwujudkan sistem pemantauan semasa bagi pegawai-pegawai dan aktiviti-aktiviti harian HPC	Penggunaan Kalendar Microsoft Outlook telah diperkenalkan pada awal tahun 2013 bagi memantau aktiviti-aktiviti HPC
36	Penggunaan emel Kerajaan dalam perhubungan rasmi dan tidak rasmi		✓	Memperbaiki dan meningkatkan sistem perhubungan di HPC	Emel kerajaan telah diperkenalkan dan baru-baru ini diiktiraf sebagai salah satu perhubungan rasmi selain daripada persuratan.
37	Pemantauan bagi pencapaian minima latihan		✓	Mengadakan sistem pemantauan yang lebih teratur bagi memastikan latihan minima tercapai.	Pegawai dan kakitangan di perkhidmatan awam dimestikan untuk mencapai 100 jam latihan minima setiap tahun.
38	Mewujudkan dan meneliti semula MPK, TPOR, SOP, dan Garispandu		✓	Menambahbaik dan meningkatkan penyampaian perkhidmatan di HPC.	Beberapa perkhidmatan di HPC telah mengadakan MPK dan TPOR seperti KCHS dan Pusat Sumber dan penelitian diadakan setiap tahun bagi memastikan ianya betul dan teratur.
39	Mewujudkan MoU/ kerjasama dengan agensi lain untuk mempromosikan cara hidup sihat	✓		Menyebarkan program-program promosi kesihatan dengan kerjasama agensi / organisasi kerajaan dan bukan kerajaan dan swasta	Dengan mewujudkan MoU kerjasama dengan agensi lain, HPC boleh memperbaiki sumber-sumber yang tidak mencukupi dan menambahbaik kemahiran yang sedia ada.
40	Be Fit Challenge	✓		Projek kerjasama diantara HPC, B-Mobile dan Fitness Zone bertujuan untuk menggalakkan pengurangan berat badan sebagai satu peraduan cabaran yang telah diadakan pada tahun 2012	Projek tersebut merangkumi: i) Pemeriksaan kesihatan; ii) Kaunseling berkelompok; iii) Senaman berkumpulan iv) Senaman bersendirian; v) Catatan dalam diari makanan
41	Pameran kesihatan sempena Majlis Ilmu	✓		Meningkatkan kesedaran orang ramai mengenai pelbagai isu kesihatan, amalan cara hidup sihat dan perkhidmatan kesihatan yang berkaitan.	Pameran telah diadakan selama satu minggu di Pusat Persidangan Antarabangsa.

JABATAN PERKHIDMATAN KESIHATAN MASYARAKAT

42	Pembukaan Pusat Kesihatan Lamunin		✓	Menaiktaraf klinik kesihatan Lamunin menjadikan ia Pusat Kesihatan yang merupakan One Stop Health Centre dan Kemahiran klinikal di letakkan di bawah satu bumbung	<ul style="list-style-type: none"> Mula dibuka pada Januari 2012 bagi memberikan kemudahan perkhidmatan Penjagaan Kesihatan Asasi yang lebih komprehensif dan selesa serta accessible kepada penduduk - penduduk kampung di bawah tadahan Mukim Tanjung Maya, Ukong, Lamunin, Kiudang dan Rambai Pusat ini juga berfungsi sebagai pusat operasi semasa bencana banjir di samping penghubung untuk perkhidmatan kesihatan lanjutan di Hospital PMMPMHAMB Tutong
43	Memberi taklimat kepada pengendali makanan		✓	Memberi pengetahuan kepada pengendali makanan yang berniaga pada masa hari keputeraan dan bulan Ramadhan tentang kebersihan dan keselamatan makanan	<ul style="list-style-type: none"> Dilaksanakan pada tahun 2012 dan bertepatan sekali setiap tahun Mengajar pengendali makanan mengenai kepentingan kebersihan di dalam mengendali makanan yang akan dijual serta dihidangkan Memberi maklumat kepada pengendali makanan mengenai cara-cara yang betul mengendalikan makanan.
44	Dengue Awareness Program (Temburong)		✓	Meningkatkan kesedaran orang ramai mengenai bahaya demam denggi	<p>Memberi pengetahuan dan kefahaman kepada masyarakat mengenai:</p> <ol style="list-style-type: none"> 1) Apa ia denggi 2) Punca dan cara jangkitan 3) Cara pengawalannya 4) Tanggungjawab semua pihak <p>Dilaksanakan pada 6.7.2013</p>
45	Program MDA bagi penghapusan penyakit Limfatik Filariasis (Untut)	✓		<ul style="list-style-type: none"> Membebaskan generasi yang akan datang daripada mendapat penyakit Limfatik Filariasis Memutuskan kitaran jangkitan Limfatik Filariasis Untut diantara nyamuk dan manusia Menghentikan jangkitan Limfatik Filariasis 	<p>Program yang melibatkan pengambilan ubat secara beramai-ramai (Mass Drug Administration) di kalangan penduduk-penduduk yang berisiko kepada jangkitan.</p> <p>Dilaksanakan mulai 11.3.2013 hingga 25.3.2013</p>
46	Rekod imunisasi bagi kemasukkan penuntut ke tahun 1		✓	<ul style="list-style-type: none"> Memastikan semua penuntut yang mendaftar ke sekolah di Tahun 1 telah melengkapkan imunisasi mereka (mengikut Program imunisasi kebangsaan) Mencegah wabak penyakit-penyakit berjangkit yang merbahaya dikalangan penuntut-penuntut sekolah Mencegah pengimportan penyakit-penyakit berjangkit ke negara kita melalui imunisasi yang tidak lengkap di kalangan penuntut-penuntut dari luar negara 	<ul style="list-style-type: none"> Pihak sekolah melalui guru kelas adalah dikehendaki untuk mendapatkan salinan rekod imunisasi semua penuntut yang mendaftar di Tahun 1 persekolahan mulai Januari 2012 Salinan rekod imunisasi ini akan disemak oleh jururawat dari Bahagian Perkhidmatan Kesihatan Sekolah apabila lawatan ke sekolah tersebut dilakukan Mana-mana penuntut yang tidak mempunyai rekod imunisasi yang lengkap akan dikenalpasti dan mereka akan dirujuk ke Pejabat Perkhidmatan Kesihatan Sekolah atau Pusat/Klinik Kesihatan masing-masing dan imunisasi yang tidak lengkap akan diberikan kepada penuntut berkenaan.
47	Program Vaksinasi Human Papilloma Virus (HPV)	✓		<ul style="list-style-type: none"> Mencegah jangkitan HPV subtypes 16 dan 18 yang menyebabkan 70% kanser servik di seluruh dunia Pemberian vaksinasi HPV di peringkat awal lagi sebelum penuntut-penuntut perempuan ini terdedah kepada virus tersebut. 	<ul style="list-style-type: none"> Bahagian Perkhidmatan Kesihatan pergi kesemua sekolah-sekolah menengah di seluruh negara mulai Januari 2012 untuk melaksanakan Program ini. Mana-mana penuntut yang diiberikan kebenaran oleh ibu bapa / penjaga akan diberikan vaksin HPV sebanyak tiga dos (mengikut jadual pemberian vaksin HPV) di sekolah masing-masing.

48	Saringan skoliosis di kalangan penuntut Tahun 6		✓	<ul style="list-style-type: none"> • Mengenalpasti penuntut-penuntut yang mempunyai masalah skoliosis di peringkat awal lagi • Rujukan awal ke pakar bedah saraf agar pemantauan dapat diberikan mengikut jenis dan keadaan skoliosis <p>Rawatan awal untuk mencegah skoliosis dari menjadi teruk lagi</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Saringan skoliosis telah ditambah di kalangan penuntut Tahun 6 semasa kawatan jururawat dari Perkhidmatan Kesihatan Sekolah kesemua sekolah-sekolah rendah di seluruh negara mulai Januari 2013 • Penuntut akan diperiksa oleh jururawat secara bergilir-gilir dan mereka akan diarahkan untuk mendedahkan keseluruhan belakang mereka kepada jururawat tersebut • Kemudian mereka akan diarahkan untuk tunduk ke hadapan di atas pinggang selari dengan lantai. <p>Jururawat akan melihat tanda-tanda skoliosis pada waktu ini. Penuntut yang dikenalpasti yang berkemungkinan mempunyai masalah skoliosis akan dirujuk ke klinik pakar bedah saraf untuk pemeriksaan lanjut.</p>
----	---	--	---	--	--

49	Audit Klinikal		✓	<ul style="list-style-type: none"> • Audit Klinikal adalah proses peningkatan kualiti yang bertujuan untuk menambah baik penjagaan pesakit dan hasil melalui kajian sistematik penjagaan terhadap kriteria yang jelas dan pelaksanaan perubahan • Aspek struktur, proses, dan hasil dari penjagaan dipilih dan dinilai secara sistematik berdasarkan kriteria yang jelas. • Ditempat yang ditentukan, perubahan yang dilaksanakan di perkhidmatan individu atau perkhidmatan dan pemantauan lebih lanjut digunakan untuk mengesahkan peningkatan dalam penyampaian penjagaan kesihatan • Kualiti Perkhidmatan yang diberikan kepada pesakit mungkin akan terjejas sekiranya tidak disimpan mengikut standard. • Dengan melakukan audit, kita boleh memantau piawaian dan mencari jalan untuk memastikan jaminan kualiti dan mengekalkan piawaian penjagaan pesakit dan perkhidmatan klinikal yang baik • Tujuan: Untuk menggalakkan doktor dalam menjalankan audit klinikal sebagai sebahagian daripada pengembangan profesional berterusan, jaminan kualiti dan mengekalkan pengurusan pesakit dan penyampaian perkhidmatan klinikal yang sangat baik. • Objektif <ol style="list-style-type: none"> 1. Untuk berkongsi penemuan daripada audit klinikal yang dijalankan 2. Untuk mengetahui dan memberi ganjaran yang terbaik audit klinikal/ poster yang dibentangkan semasa Simposium Audit. 3. Untuk memupuk budaya audit dan menggalakkan penilaian sendiri dan pendekatan kritis amalan sendiri dan penyediaan perkhidmatan. 4. Untuk meningkatkan penyampaian perkhidmatan dan penjagaan pesakit. 5. Untuk menggalakkan kerja berpasukan dan kerjasama antara profesional penjagaan kesihatan 6. Untuk menyumbang kepada perancangan masa depan yang membolehkan peningkatan dalam penyampaian perkhidmatan klinikal dan pengurusan pesakit di negara ini. Audit Klinikal di jalankan di pusat-pusat kesihatan oleh pegawai perubahan. 	<ul style="list-style-type: none"> • Polisi kualiti assurance telah ditekankan di dalam polisi Kementerian Kesihatan pada tahun 2000, untuk memperbaiki kesihatan dan kesejahteraan penduduk Negara Brunei Darussalam melalui sistem kesihatan yang komprehensif dan berkualiti tinggi. • Dengan itu, Komiti The Primary Health Care Total Quality Management (TQM) Committee telah ditubuhkan pada Mac 2003 • Komiti ini mempunyai 4 sub committee: <ol style="list-style-type: none"> 1) Clinical effectiveness (CE) 2) Continuous Quality Improvement (CQI) 3) Continuous Professional Development (CPD) 4) Risk Management (RM) • Jawatankuasa Kecil Peningkatan Kualiti Klinikal CQI bertujuan untuk meningkatkan kualiti penjagaan yang disediakan oleh Perkhidmatan Kesihatan Asasi melalui penilaian dan peningkatan kualiti. • Peningkatan kualiti mengikut kualiti penjagaan terhadap kriteria yang telah dipersetujui atau standar yang ditetapkan dan boleh dilakukan dalam bentuk audit. • Audit klinikal adalah penting untuk pengurusan klinikal, perkhidmatan kami boleh menyemak kualiti amalan penjagaan sehari-hari yang diberikan kepada pesakit, menambah baik atau mencari jalan untuk melayani pesakit dengan lebih baik, isu kualiti alamat secara sistematik dan menyediakan maklumat yang boleh dipercayai. • Audit klinikal juga mengesahkan kualiti perkhidmatan klinikal dan menyoroti keperluan untuk penambahbaikan. • Audit yang kedua untuk semua para peserta telah dikumpulkan ke dalam Pusat Kesihatan masing-masing di mana setiap kumpulan datang dengan cadangan audit mereka sendiri yang dibentangkan semasa bengkel tersebut. • Cadangan-cadangan audit akhir telah diserahkan kepada Jawatankuasa CQI TQM. Sejak Oktober 2011, setiap Penjagaan Kesihatan Primer dilakukan audit mereka. • Pada 19 Oktober 2012, 1 Simposium Audit Klinikal telah diadakan di Institut Perkhidmatan Awam dengan tema "Ke Arah Kualiti Yang Lebih Baik dari Care". Simposium ini telah dihadiri oleh lebih daripada 100 peserta terdiri daripada doktor penjagaan utama, jururawat dan profesional kesihatan bersejutu bekerja di institusi kerajaan dan kesihatan swasta di negara ini. • Simposium Audit Klinikal 2 tahun 2013 yang diadakan pada 29 November 2013 yang di dewan Al-Afiah Kementerian Kesihatan dengan tema "Meningkatkan Penyampaian Perkhidmatan Melalui Audit Kualiti. Selain persaingan audit klinikal, kami telah menjemput penceramah utama Dr Sandhya Mujumdar, yang merupakan Timbalan Pengarah Jabatan Hal Ehwal Perubatan di National University Hospital (NUH) Singapura dan Penyelaras JCI dan Fasilitator NUH.
----	----------------	--	---	--	---

50	Menyediakan program-program pemakanan yang komprehensif bagi mempertingkatkan taraf kesihatan dan kesejahteraan rakyat serta penduduk Negara Brunei Darussalam.	✓		<p>Program-Program pemakanan adalah salah satu daripada 5 pelan strategik dalam Brunei Darussalam National Multisectoral Action Plan for the Prevention and Control of Non Communicable Disease 2013-2018.</p> <p>Tujuan:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Memastikan Panduan Pemakanan Kebangsaan dapat dipatuhi • Membentuk dan melaksanakan dasar-dasar yang menghadkan penggunaan garam, gula dan lemak tepu dan menghapuskan minyak sayuran separa hidrogenasi (Partially Hydrogenated Vegetable Oil) dalam makanan yang diproses. • Membentuk dan melaksanakan dasar-dasar untuk mengurangkan impak pemasaran makanan dan minuman bukan alkohol yang mengandungi gula, garam dan lemak yang tinggi ke atas golongan kanak-kanak. • Membentuk dan melaksanakan pelabelan makanan secara mandatori bagi semua produk makanan tempatan dan import serta pelabelan yang mudah difahami agar produk makanan yang lebih sihat senang dikenalpasti. • Memastikan terdapat pilihan makanan sihat di sekolah, tempat kerja dan di mana kanak-kanak berkumpul • Mengadakan kempen media secara berterusan untuk meningkatkan pengambilan buah-buahan dan sayur-sayuran • Membentuk dan melaksanakan panduan untuk berinteraksi dengan industri makanan untuk melaksanakan dasar-dasar mengenai produk makanan. 	Mempromosikan pengambilan makanan sihat lagi seimbang. Ini melibatkan pelbagai sektor Kerajaan bagi memastikan keberkesanan projek serta rasa tanggungjawab bersama di kalangan agensi-agensi kerajaan dan bukan kerajaan
51	Perkhidmatan Kaunseling Permakanan di Klinik-Klinik Kesihatan	✓			Kauseling pemakanan kepada pesakit yang memerlukan pemantauan pengambilan makanan antaranya pesakit kencing manis, Darah Tinggi, Kolestrol Tinggi dan sebagainya.
52	Konsultasi pemakanan sihat bagi semua sektor Kerajaan dan sektor Swasta	✓			Konsultasi dan Pendidikan pemakanan kepada warga perkhidmatan awam, warga sekolah, pengusaha kantin dan sebagainya.

53	Daftar ujian Pap Kebangsaan	✓		<ul style="list-style-type: none"> • Untuk meningkatkan kesedaran di kalangan penduduk wanita di Negara ini mengenai kepentingan untuk melakukan pemeriksaan ujian pap melalui pos penghantaran surat - surat peringatan ke semua wanita rakyat dan penduduk tetap di Negara ini yang berumur 20 hingga 65 tahun. • Dengan melakukan pemeriksaan ujian Pap secara rutin, ianya membolehkan perubahan sel yang tidak normal dikesan pada tahap awal dan rawatan segera boleh diberikan bagi mencegah kanser servik. 	<ul style="list-style-type: none"> • Dilancarkan pada 5 Februari 2011 bersempena dengan Hari Kanser Sedunia • Ianya dapat memperkukuhkan lagi Program Kawalan dan Pencegahan Kanser Servik yang telah bermula sejak tahun 2009 bagi mencapai hasrat serta tujuan utama program berkenaan iaitu untuk mengurangkan jumlah kanser servik di Negara Brunei Darussalam.
